

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat. Pastikan terma dan syarat am telah dibaca.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (“Syarikat”)
 Nama Produk : Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat
 Nama Pemegang Polisi : **KESATUAN KAKITANGAN EKSEKUTIF CIMB BANK BERHAD**
 Nombor Polisi/Nombor Skim : **GS 111**
 Nama Pelanggan : _____
 Tarikh : _____

1. Apakah produk ini?

Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat (GMBIS) ialah polisi berkelompok berkaitan pelaburan dengan premium tetap yang menyediakan perlindungan dan pulangan pelaburan tidak dijamin berdasarkan prestasi dana unit yang dipilih. Polisi ini tidak mempunyai penyertaan dalam lebihan dana hayat.
 Nilai produk insurans berkaitan pelaburan bergantung pada harga yang mendasari unit, mengikut prestasi dana yang dipilih oleh Pemegang Polisi anda.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Jumlah asurans asas bagi pelan ini ialah RM <Rujuk Muka Surat 10>.

Manfaat bagi Pelan Asas	
(a) Manfaat Kematian	Jumlah asurans asas + jumlah nilai pelaburan ((jika ada)
(b) Manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal (“TPD”)	<p>Jumlah asurans asas</p> <p>Jika TPD berlaku sebelum ulang tahun sivil apabila Hayat yang Diasuranskan mencapai umur 65 tahun hari jadi berikut, Syarikat akan mendahulukan jumlah asurans asas seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) satu jumlah sekali gus tidak melebihi RM1,000,000 di bawah polisi ini dan semua polisi berkelompok, dan (ii) sebarang jumlah yang melebihi RM1,000,000 tetapi tidak melebihi RM2,000,000 di bawah polisi ini dan semua polisi berkelompok, dalam dua (2) bayaran ansuran tahunan yang sama nilai, iaitu yang pertama akan dibayar satu (1) tahun selepas tarikh pembayaran jumlah sekali gus yang dinyatakan dalam perkara (i) di atas. <p>Bagi mengelakkan keraguan, amaun agregat jumlah asurans yang dibayar oleh Syarikat bagi manfaat TPD mestilah tidak melebihi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) RM2,000,000 di bawah polisi ini dan semua polisi berkelompok yang dikeluarkan Syarikat dan menyediakan manfaat TPD ke atas Hayat yang Diasuranskan yang sama; dan (b) RM3,500,000 di bawah polisi ini dan semua polisi lain yang dikeluarkan Syarikat dan menyediakan manfaat TPD ke atas Hayat yang Diasuranskan yang sama.
(c) Manfaat Matang	Apabila polisi matang, Syarikat akan membayar jumlah nilai pelaburan (jika ada) selepas ditolak sebarang hutang.
Perbelanjaan Pengebumian	
Perbelanjaan Pengebumian	RM3,000 akan dibayar sebagai tambahan pada Manfaat Kematian

Manfaat Kejadian yang Dilindungi	
Manfaat Kejadian yang Dilindungi	RM< Rujuk Muka Surat 10> Manfaat ini akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus apabila salah satu daripada Kejadian yang Dilindungi (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, iaitu pembayaran tuntutan adalah 10% daripada jumlah asurans, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap hayat), tertakluk pada terma dan syarat polisi. Selepas pembayaran tersebut, jumlah asurans asas akan dikurangkan mengikut amaun yang dibayar.
Perlindungan maksimum	Sehingga umur enam puluh lima (65 tahun) hari jadi berikut

Manfaat Kemalangan Peribadi	% jumlah asurans	
1) Kematian akibat Kemalangan	100%	
2) Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan		
• Kehilangan kedua-dua tangan	100%	
• Kehilangan kedua-dua kaki	100%	
• Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%	
• Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%	
• Kecederaan yang mengakibatkan terlantar di atas katil secara kekal	100%	
• Sebarang kecederaan lain yang mengakibatkan hilang upaya total dan kekal	100%	
• Lumpuh keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%	
• Kehilangan lengan daripada bahu	100%	
• Kehilangan lengan di antara bahu dan siku	100%	
• Kehilangan lengan pada siku	100%	
• Kehilangan lengan di antara siku dan pergelangan tangan	100%	
• Kehilangan tangan pada pergelangan tangan	100%	
• Kehilangan kaki pada pinggul	100%	
• Kehilangan kaki di antara lutut dan pinggul	100%	
• Kehilangan kaki di bawah lutut	100%	
• Kehilangan mata - keseluruhan	100%	
• Kehilangan mata - penglihatan	100%	
• Kehilangan penglihatan sebelah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan kecuali cerapan cahaya	50%	
• Kehilangan kanta mata	50%	
• Kehilangan empat jari dan ibu jari tangan pada sebelah tangan	50%	
• Kehilangan empat jari tangan	40%	
• Kehilangan ibu jari	- dua falanks - satu falanks	25% 10%
• Kehilangan jari telunjuk	- tiga falanks - dua falanks - satu falanks	10% 8% 4%
• Kehilangan jari tengah	- tiga falanks - dua falanks - satu falanks	6% 4% 2%
• Kehilangan jari manis	- tiga falanks - dua falanks - satu falanks	5% 4% 2%

<ul style="list-style-type: none"> Kehilangan jari kelengkeng <ul style="list-style-type: none"> - tiga falanks - dua falanks - satu falanks 	<p>4%</p> <p>3%</p> <p>2%</p>
<ul style="list-style-type: none"> Kehilangan metakarpus <ul style="list-style-type: none"> - pertama atau kedua (tambahan) - ketiga, keempat atau kelima (tambahan) 	<p>3%</p> <p>2%</p>
<ul style="list-style-type: none"> Kehilangan jari kaki <ul style="list-style-type: none"> - semua - dua ibu falanks - satu ibu falanks - selain daripada ibu jari kaki, jika kehilangan lebih daripada satu jari kaki setiap satu 	<p>15%</p> <p>5%</p> <p>2%</p> <p>1%</p>
<ul style="list-style-type: none"> Kehilangan Pendengaran <ul style="list-style-type: none"> - kedua-dua telinga - sebelah telinga 	<p>75%</p> <p>15%</p>
<ul style="list-style-type: none"> Kehilangan pertuturan keseluruhan 	<p>50%</p>
<p>Perlindungan maksimum</p>	<p>Sehingga umur 65 tahun hari jadi berikut bagi Kematian akibat Kemalangan. Sehingga umur enam puluh lima (65) tahun hari jadi berikut bagi Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan.</p>

Manfaat Kemasukan Hospital (mana yang berkenaan)									
<p>Manfaat Kemasukan Hospital</p>	<p>RM < Rujuk Muka Surat 10> sehari</p> <p>Jika Hayat yang Diasuranskan dimasukkan ke hospital kerajaan atau hospital swasta berdaftar di Malaysia, Brunei dan Singapura akibat sebarang sakit selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan asurans atau disebabkan sebarang kecederaan semasa tempoh insurans, Hayat yang Diasuranskan tersebut layak menerima elaun kemasukan hospital bagi tempoh kemasukan hospital. Walau bagaimanapun, manfaat ini tidak akan dibayar jika kemasukan hospital disebabkan sakit sedia ada.</p> <p>Jika anak yang diasuranskan dimasukkan ke hospital disebabkan sebarang sakit atau kecederaan, amaun bagi manfaat kemasukan hospital harian akan dikurangkan mengikut jadual berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Umur Hari Jadi Berikut</th> <th>Amaun yang Dibayar bagi Manfaat Kemasukan Hospital Harian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>50% daripada manfaat kemasukan hospital harian</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>75% daripada manfaat kemasukan hospital harian</td> </tr> <tr> <td>3 & ke atas</td> <td>100% daripada manfaat kemasukan hospital harian</td> </tr> </tbody> </table> <p>Tempoh agregat bagi semua kemasukan hospital bagi Hayat yang Diasuranskan terhadap maksimum lima ratus (500) hari untuk seumur hidup di bawah rider ini.</p>	Umur Hari Jadi Berikut	Amaun yang Dibayar bagi Manfaat Kemasukan Hospital Harian	1	50% daripada manfaat kemasukan hospital harian	2	75% daripada manfaat kemasukan hospital harian	3 & ke atas	100% daripada manfaat kemasukan hospital harian
Umur Hari Jadi Berikut	Amaun yang Dibayar bagi Manfaat Kemasukan Hospital Harian								
1	50% daripada manfaat kemasukan hospital harian								
2	75% daripada manfaat kemasukan hospital harian								
3 & ke atas	100% daripada manfaat kemasukan hospital harian								
<p>Perlindungan maksimum</p>	<p>Sehingga umur enam puluh lima (65) hari jadi berikut</p>								

Rider Manfaat Kemasukan Hospital Dipertingkatkan (mana yang berkenaan)	
<p>1) Manfaat Kemasukan Hospital</p>	<p>RM < Rujuk Muka Surat 10 > sehari</p> <p>Jika Hayat yang Diasuranskan dimasukkan ke hospital kerajaan atau hospital swasta berdaftar di Malaysia, Brunei dan Singapura akibat sebarang sakit selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan asurans semasa tempoh insurans, Hayat yang Diasuranskan tersebut layak menerima elaun kemasukan hospital bagi tempoh kemasukan hospital. Walau</p>

	<p>bagaimanapun, manfaat ini tidak akan dibayar jika kemasukan hospital disebabkan sakit sedia ada.</p> <p>Jika anak yang diasuranskan dimasukkan ke hospital disebabkan sakit, amaun bagi manfaat kemasukan hospital harian akan dikurangkan mengikut jadual berikut:</p> <table border="1" data-bbox="873 373 1430 611"> <thead> <tr> <th>Umur Hari Jadi Berikut</th> <th>Amaun yang Dibayar bagi Manfaat Kemasukan Hospital</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>50% daripada manfaat kemasukan hospital harian</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>75% daripada manfaat kemasukan hospital harian</td> </tr> <tr> <td>3 & ke atas</td> <td>100% daripada manfaat kemasukan hospital harian</td> </tr> </tbody> </table> <p>Tempoh agregat bagi semua kemasukan hospital bagi Hayat yang Diasuranskan terhadap pada maksimum lima ratus (500) hari untuk seumur hidup di bawah rider ini.</p>	Umur Hari Jadi Berikut	Amaun yang Dibayar bagi Manfaat Kemasukan Hospital	1	50% daripada manfaat kemasukan hospital harian	2	75% daripada manfaat kemasukan hospital harian	3 & ke atas	100% daripada manfaat kemasukan hospital harian
Umur Hari Jadi Berikut	Amaun yang Dibayar bagi Manfaat Kemasukan Hospital								
1	50% daripada manfaat kemasukan hospital harian								
2	75% daripada manfaat kemasukan hospital harian								
3 & ke atas	100% daripada manfaat kemasukan hospital harian								
<p>2) Manfaat Kemasukan Hospital di Unit Rawatan Rapi atau akibat Kemalangan</p>	<p>RM < Rujuk Muka Surat 10> sehari</p> <p>Jika Hayat yang Diasuranskan dimasukkan ke hospital kerajaan atau hospital swasta berdaftar di Malaysia, Brunei dan Singapura di Unit Rawatan Rapi selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan asurans atau akibat Kemalangan semasa tempoh insurans, Hayat yang Diasuranskan tersebut layak menerima elaun kemasukan hospital bagi tempoh kemasukan hospital tersebut.</p> <p>Jika anak yang diasuranskan dimasukkan ke hospital di Unit Rawatan Rapi atau akibat Kemalangan, amaun bagi manfaat kemasukan hospital harian akan dikurangkan mengikut jadual berikut:</p> <table border="1" data-bbox="873 1171 1430 1409"> <thead> <tr> <th>Umur Hari Jadi Berikut</th> <th>Amaun yang Dibayar bagi Manfaat Kemasukan Hospital</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>50% daripada manfaat kemasukan hospital harian</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>75% daripada manfaat kemasukan hospital harian</td> </tr> <tr> <td>3 & ke atas</td> <td>100% daripada manfaat kemasukan hospital harian</td> </tr> </tbody> </table> <p>Tempoh agregat bagi semua kemasukan hospital bagi Hayat yang Diasuranskan terhadap pada maksimum lima ratus (500) hari untuk seumur hidup di bawah rider ini.</p>	Umur Hari Jadi Berikut	Amaun yang Dibayar bagi Manfaat Kemasukan Hospital	1	50% daripada manfaat kemasukan hospital harian	2	75% daripada manfaat kemasukan hospital harian	3 & ke atas	100% daripada manfaat kemasukan hospital harian
Umur Hari Jadi Berikut	Amaun yang Dibayar bagi Manfaat Kemasukan Hospital								
1	50% daripada manfaat kemasukan hospital harian								
2	75% daripada manfaat kemasukan hospital harian								
3 & ke atas	100% daripada manfaat kemasukan hospital harian								
<p>Perlindungan maksimum</p>	<p>Sehingga umur enam puluh lima (65) hari jadi berikut</p>								

Maklumat lanjut berkenaan pelan ini seperti berikut:

- Pilihan untuk menambah atau mengurangkan jumlah asurans pada bila-bila masa dengan melengkapkan borang cadangan baharu (tertakluk pada terma dan syarat).
- Perlindungan boleh dilanjutkan kepada pasangan dan anak-anak yang sah, tertakluk pada terma dan syarat.
- Bayaran premium melalui potongan gaji / kad kredit / Potongan Debit Terus ("DDA").
- Jika suatu tuntutan yang sah (ke atas hayat bagi anak yang diasuranskan) berlaku sebelum umur lima (5) tahun hari jadi berikut, lien kanak-kanak akan dikenakan.

Dana yang dipilih

- Dana Restu:

Pelan yang anda beli adalah:

GMBIS berkaitan pelaburan, yang menyediakan perlindungan sehingga umur enam puluh lima (65) tahun hari jadi berikut.

Nota: Manfaat di atas tertakluk pada terma dan syarat dalam polisi.

Peringatan: Sila baca risalah pernyataan dana kerana ia memberi penerangan berkenaan objektif dana berkaitan pelaburan dan ilustrasi jualan. Pemilihan pelan yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda adalah penting.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

- a) Premium bulanan akan berpadanan dengan jenis pelan pilihan anda (Sila rujuk Bahagian B dalam Jadual Manfaat, Premium dan Komisen yang dilampirkan bersama Risalah Pemberitahuan Produk ini).
- b) Amaun premium adalah sama untuk semua ahli yang layak tanpa mengambil kira umur dan jantina mereka.
- c) Premium perlu dibayar sehingga pelan anda matang atau sehingga penamatan perlindungan, mana yang berlaku dahulu.
- d) Jika kelangsungan sebenar pelan anda akan berkurangan disebabkan semakan semula caj insurans, Syarikat boleh menyemak semula premium pada ulang tahun polisi dengan memberi notis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada anda.
- e) Premium adalah tidak dijamin dan mungkin meningkat pada ulang tahun polisi. Semakan semula, jika ada, akan menggambarkan pengalaman tuntutan kami atau keadaan lain yang wajar.
- f) Syarikat memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana unit yang dipilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar Komisen bagi Pengantara dan perbelanjaan lain Syarikat (termasuk Yuran Perkhidmatan). Anda dinasihatkan untuk merujuk kadar peruntukan dan butir-butir lain yang diberi dalam ilustrasi jualan.

4. Berapakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- a) Caj insurans – Jumlah asurans tertakluk pada caj; iaitu Syarikat berhak mengubah caj insurans bagi tahun polisi selanjutnya bergantung pada profil umur purata dan pengalaman tuntutan skim. Caj insurans ditolak secara bulanan dengan membatalkan unit dalam dana yang telah diperuntukkan pada pelan anda, berdasarkan Nilai Aset Bersih (“NAV”) masing-masing pada Tarikh Penilaian yang Berikutnya bagi dana tersebut mengikut tarikh caj insurans perlu dibayar. Caj insurans akan meningkat seiring dengan umur anda. Butiran caj insurans dan caj lain untuk pelan dinyatakan dalam ilustrasi jualan.
- b) Komisen bagi Pengantara – (Sila rujuk Bahagian C dalam Jadual Manfaat, Premium dan Komisen yang dilampirkan bersama Risalah Pemberitahuan Produk ini).
- c) Yuran Perkhidmatan untuk Pemegang Polisi – (Sila rujuk Bahagian D dalam Jadual Manfaat, Premium dan Komisen yang dilampirkan bersama Risalah Pemberitahuan Produk ini).

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- a) Kepentingan untuk membuat pendedahan – anda mestilah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan (mana yang berkenaan) dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika anda mempunyai sebarang keraguan sama ada sesuatu fakta adalah material, fakta tersebut hendaklah didedahkan.
- b) Skim ini memerlukan penyertaan minimum seramai minimum lima ratus(500) orang pada bila-bila masa. Syarikat berhak menamatkan skim pada bila-bila masa, jika penyertaan kurang daripada minimum yang diperlukan.
- c) Tempoh memerhati bebas – anda boleh membatalkan pelan dengan memulangkan Sijil Asurans kepada Syarikat secara serahan sendiri atau penghantaran berdaftar dalam tempoh lima belas (15) hari selepas anda menerima Sijil Asurans. Jika pelan ditamatkan dalam tempoh ini, Syarikat akan membayar balik amaun yang bersamaan jumlah (a) jumlah nilai pelaburan bagi Sijil Asurans, (b) nilai pelaburan unit yang telah dibatalkan untuk membayar caj insurans dan yuran polisi berdasarkan NAV pada Tarikh Penilaian yang Berikutnya dan (c) amaun premium yang belum diperuntukkan untuk membeli unit; ditolak dengan (d) perbelanjaan perubatan yang ditanggung, jika ada.
- d) Tempoh menunggu – kelayakan untuk Manfaat Kejadian yang Dilindungi hanya bermula enam puluh (60) hari selepas tarikh berkuat kuasa bagi pelan anda.
- e) Tempoh menunggu – kelayakan untuk Manfaat Kemasukan Hospital dan/atau Rider Manfaat Kemasukan Hospital Dipertingkatkan (mana yang berkenaan) hanya bermula tiga puluh (30) hari selepas tarikh berkuat kuasa bagi rider anda.
- f) Tempoh tenggang – pelan ini akan luput jika anda tidak membayar premium dalam tempoh tenggang selama sembilan puluh (90) hari.
- g) Penarikan balik dana – tertakluk pada terma dan syarat yang digunakan, Hayat yang Diasuranskan boleh menjual sejumlah unit selepas membuat sumbangan sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan.
- h) Nilai tunai – nilai tunai bagi pelan ini bergantung pada prestasi dana berkaitan pelaburan yang dipilih. Semakin tinggi tahap perlindungan insurans yang dipilih, lebih banyak unit akan digunakan untuk membayar caj insurans dan unit yang tinggal hanya sedikit bagi mengumpul nilai tunai di bawah pelan anda.
- i) Polisi luput – pelan akan luput apabila nilai unit pelaburan tidak mencukupi untuk membayar insurans dan caj-caj lain.
- j) Promosi istimewa yang permohonan yang diterima tanpa taja jaminan) – 50% daripada jumlah asurans akan dibayar bagi kejadian berikut:
 - (i) Kematian akibat sakit sedia ada dalam tempoh dua (2) tahun pertama dari tarikh permulaan risiko bagi asurans;

- (ii) TPD bukan disebabkan TPD sedia ada dalam tempoh enam (6) bulan pertama dari tarikh permulaan risiko bagi asurans; atau
 - (iii) Kejadian yang Dilindungi bukan disebabkan Kejadian yang Dilindungi sedia ada dalam tempoh enam (6) bulan pertama dari tarikh permulaan risiko bagi asurans.
- Kemudian, asurans berhubung dengan Hayat yang Diasuranskan akan ditamatkan secara automatik.
- k) Manfaat tidak akan dibayar bagi sebarang TPD atau Kejadian yang Dilindungi yang timbul disebabkan sebarang TPD atau Kejadian yang Dilindungi sedia ada masing-masing; atau sebarang Kejadian yang Dilindungi yang didiagnosis dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama daripada tarikh permulaan bagi asurans, mana yang lebih awal. (Selain daripada perkara yang dinyatakan di atas, tuntutan penuh akan dibayar semasa kematian, TPD atau Kejadian yang Dilindungi, tertakluk pada terma dan syarat Polisi).
 - l) Kesahihan – Cadangan ini hanya sah untuk tempoh enam (6) bulan dari tarikh cadangan. Borang cadangan yang telah dilengkapkan hendaklah dikembalikan dengan segera untuk mengelakkan sebarang kelewatan.
 - m) Syarikat berhak menyemak semula kadar premium dan/atau yuran polisi dan/atau caj insurans dan/atau terma dan syarat Polisi (termasuk Syarat Am dan Peruntukan Am) tertakluk pada terma dan syarat bagi Polisi, dengan memberi notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi.
 - n) Premium tidak dibayar – Syarikat akan memaklumkan anda dengan memberi notis kepada Pemegang Polisi sebelum asurans anda luput disebabkan premium tidak dibayar.
 - o) Permulaan risiko dan tarikh matang – Maklumat ini akan dinyatakan dalam Sijil Asurans.
 - p) Pembayaran premium oleh pesara atau sesiapa yang telah berhenti kerja dan bukan lagi pekerja bagi Pemegang Polisi perlu membayar premium melalui Potongan Debit Terus atau kad kredit.
 - q) Maklumat polisi dan notis pertukaran – Anda boleh mengemas kini maklumat perhubungan (alamat surat-menyurat, nombor telefon dan alamat e-mel) secara atas talian melalui eConnect pada laman sesawang kami di www.greateasternlife.com atau melengkapkan borang Penukaran Individu. Maklumat polisi lain atau perubahan akan dinyatakan dalam Penyataan Pembayaran Premium Tahunan (PPS), Penyataan Tahunan Berkaitan Pelaburan dan Surat Kelangsungan Tahunan yang boleh didapati melalui laman portal eConnect.
 - r) Penambahan Pelaburan – Anda boleh memohon kepada Syarikat untuk membayar Penambahan Premium Tunggal dan/atau Penambahan Premium Tetap (Penambahan Pelaburan) di bawah Polisi pada bila-bila masa dengan syarat perkara tersebut telah dibenarkan Syarikat berserta syarat-syarat yang mungkin dikenakan seperti berikut:
 - (i) Anda mestilah membayar premium yang perlu dibayar sepenuhnya terlebih dahulu dari tarikh permulaan risiko sehingga dan termasuk tahun polisi yang mana Penambahan Pelaburan telah ditetapkan untuk dibuat;
 - (ii) Penambahan Pelaburan mestilah dalam had Penambahan Pelaburan seperti ditentukan Syarikat; dan
 - (iii) Bilangan Unit bagi Penambahan Pelaburan yang akan diperuntukkan bagi Polisi ini akan ditentukan dengan merujuk pada Nilai Aset Bersih masing-masing pada Tarikh Penilaian yang Berikutnya selepas tarikh yang mana Penambahan Pelaburan telah diterima oleh Syarikat seperti dibuktikan melalui resit rasmi yang dikeluarkan untuk pembayaran.

Bahagian Penambahan Pelaburan akan digunakan untuk membeli Unit bagi Dana berdasarkan kadar peruntukan premium bagi Penambahan Pelaburan seperti dinyatakan dalam Polisi.
 - s) Prosedur tuntutan – sila layari greateasternlife.com/my bagi maklumat lebih lanjut berkenaan prosedur tuntutan Syarikat.

Nota Penting: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Polisi bagi terma dan syarat di bawah pelan ini. Penjaga Polisi bagi GS111 ialah KESATUAN KAKITANGAN EKSEKUTIF CIMB BANK BERHAD

6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

Pelan Asas

- Kematian semasa tahun polisi pertama akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- TPD yang sedia wujud sebelum atau pada tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula Sijil Asurans bagi Hayat yang Diasuranskan, mana yang kemudian.
- TPD disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia), ketika waras atau tidak waras.
- TPD disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
- TPD akibat Hayat yang Diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang.
- TPD disebabkan Hayat yang Diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika Hayat yang Diasuranskan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- TPD akibat peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Manfaat Kejadian yang Dilindungi

- Kejadian yang Dilindungi sedia wujud sebelum atau pada tarikh permulaan risiko atau pada sebarang tarikh penguatkuasaan semula Sijil Asurans bagi Hayat yang Diasuranskan, mana yang kemudian
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
- Kejadian yang Dilindungi akibat Hayat yang Diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan Hayat yang Diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika Hayat yang Diasuranskan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- Kejadian yang Dilindungi akibat perang, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Manfaat Kemalangan Peribadi

- Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras.
- Penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dan akibat daripada belahan atau luka kemalangan.
- Peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan.
- Daripada tindakan sebarang angkatan bersenjata, atau daripada Kemalangan atau keganasan yang berlaku kerana kewujudan keadaan konflik bersenjata.
- Penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
- Disebabkan Hayat yang Diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh Hayat yang Diasuranskan atau mengelak daripada ditangkap.
- Akibat daripada Hayat yang Diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika Hayat yang Diasuranskan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- Di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh pakar perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika hasil ujian pernafasan, darah atau air kencing melebihi had berikut:
 - 1) 35 mcg alkohol bagi setiap 100ml pernafasan
 - 2) 80 mg alkohol bagi setiap 100ml darah
 - 3) 107 mg alkohol bagi setiap 100ml air kencing
- Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad pada terjun lelabah, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila Hayat yang Diasuranskan akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut.
- Daripada kelahiran anak, kehamilan dan/atau sebarang komplikasi daripadanya.
- Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear.
- Daripada penglibatan Hayat yang Diasuranskan dalam komando atau tugas/latihan pemusnahan bom.

Manfaat Kemasukan Hospital/Rider Manfaat Kemasukan Hospital Dipertingkatkan *(mana yang berkenaan)*

- Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
- Penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit, atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dengan dan akibatnya belahan atau luka kemalangan.
- Peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau penganas, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan.
- Daripada penglibatan Hayat yang Diasuranskan dalam komando atau tugas/latihan pemusnahan bom.
- Penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
- Disebabkan Hayat yang Diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh Hayat yang Diasuranskan atau mengelak daripada ditangkap

- Disebabkan Hayat Diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika Hayat yang Diasuranskan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- Di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh pengamal perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika hasil ujian pernafasan, darah atau air kencing melebihi had berikut:
 - 1) 35 mcg alkohol bagi setiap 100ml pernafasan
 - 2) 80 mg alkohol bagi setiap 100ml darah
 - 3) 107 mg alkohol bagi setiap 100ml air kencing
- Sakit atau Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad pada terjun lelabah, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila Hayat yang Diasuranskan akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut.
- Ketagihan alkohol, kemurungan, dadah haram, kemabukan, penyakit kelamin dan sekuelanya, kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran kandungan dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, Ketidakfungsian erektil dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan.
- Sakit sedia ada.
- Sakit jiwa, gangguan mental atau saraf, (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik).
- Sebarang rawatan atau ujian berkaitan AIDS atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia dan semua penyakit berjangkit akibat hubungan seks.
- Kemasukan Hospital terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan pengamal perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan.
- Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear.

Nota Penting: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini. Penjaga polisi bagi GS111 ialah KESATUAN KAKITANGAN EKSEKUTIF CIMB BANK BERHAD.

7. Bolehkah saya membatalkan pelan ini?

Anda boleh membatalkan pelan dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. Pembelian suatu pelan insurans berkaitan pelaburan merupakan suatu komitmen jangka panjang. Anda dinasihatkan tidak memegang pelan ini untuk jangka masa pendek kerana pembatalan awal bagi pelan anda mungkin mengakibatkan kos yang tinggi; nilai penebusan bergantung pada nilai pasaran semasa bagi aset yang mendasari dana. Oleh itu, nilai penebusan yang diterima semasa pembatalan (jika ada) mungkin kurang daripada jumlah premium yang telah dibayar. Tiada nilai tunai bagi rider yang dilampirkan pada pelan anda.

8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami secara bertulis jika terdapat sebarang perubahan butiran anda/penama anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda/penama anda dengan sepatutnya.

9. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan insurans berkaitan pelaburan dan insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk www.mycoverage.my atau Pemegang Polisi anda atau pengantara perkhidmatan rasmi anda, butiran boleh didapati dalam risalah jualan atau hubungi kami di :

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (198201013982 (93745-A))
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Menara Great Eastern
303, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.
Tel : (603) 4813 3818
E-mel : gmbadmin@greateasternlife.com
Laman sesawang : www.greateasternlife.com/my
Portal pelanggan : econnect-my.greateasternlife.com

10. Jenis perlindungan lain yang serupa?

Sila semak dengan pengantara anda atau terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa..

NOTA PENTING:

INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS DENGAN BERLANDASKAN PRESTASI YANG MENDASARI ASET DAN BUKAN SUATU PRODUK PELABURAN SEBENAR SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA MESTILAH MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INSURANS BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH MEMENUHI RISIKO DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. ANDA HENDAKLAH BERPUAS HATI BAHAWA RIDER(-RIDER) DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. BAGI MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI "PENAMBAHAN". PULANGAN KE ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN. ANDA DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI/PRODUK INI TERTAKLUK PADA SYARAT-SYARAT TERTENTU.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada _____

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Jadual Manfaat, Premium & Komisen

Jenis Pelan (Jumlah Asurans)	BAHAGIAN A: Manfaat (RM)					BAHAGIAN B: Premium Bulanan (RM)		BAHAGIAN C: Komisen Pengantara		BAHAGIAN D: Yuran Perkhidmatan		
	45 Kejadian yang Dilindungi	Kematian atau TPD akibat Sakit	Kematian atau TPD akibat kemalangan (Bayaran Tambahan)	Perbelanjaan Pengebumian	Jumlah Nilai Pelaburan (TIV)	Manfaat Kemasukan Hospital (untuk satu malam)	Rider Manfaat Kemasukan Hospital Dipertingkatkan (untuk satu malam)	Jumlah Premium Bulanan (RM)	Kadar (%)	Amaun Bulanan (RM)	Kadar (%)	Amaun Bulanan (RM)
30,000	30,000	30,000	60,000	3,000	Berdasarkan Nilai Aset Bersih	30.00	30.00	36	10	3.60	2	0.72
40,000	40,000	40,000	80,000	3,000		40.00	40.00	48	10	4.80	2	0.96
50,000	50,000	50,000	100,000	3,000		50.00	50.00	60	10	6.00	2	1.20
60,000	60,000	60,000	120,000	3,000		60.00	60.00	72	10	7.20	2	1.44
70,000	70,000	70,000	140,000	3,000		70.00	70.00	84	10	8.40	2	1.68
80,000	80,000	80,000	160,000	3,000		80.00	80.00	96	10	9.60	2	1.92
90,000	90,000	90,000	180,000	3,000		90.00	90.00	108	10	10.80	2	2.16
100,000	100,000	100,000	200,000	3,000		100.00	100.00	120	10	12.00	2	2.40
110,000	110,000	110,000	220,000	3,000		100.00	100.00	130	10	13.00	2	2.60
120,000	120,000	120,000	240,000	3,000		100.00	100.00	140	10	14.00	2	2.80
130,000	130,000	130,000	260,000	3,000		100.00	100.00	150	10	15.00	2	3.00
140,000	140,000	140,000	280,000	3,000		100.00	100.00	160	10	16.00	2	3.20
150,000	150,000	150,000	300,000	3,000		100.00	100.00	170	10	17.00	2	3.40
160,000	160,000	160,000	320,000	3,000		100.00	100.00	180	10	18.00	2	3.60
170,000	170,000	170,000	340,000	3,000		100.00	100.00	190	10	19.00	2	3.80
180,000	180,000	180,000	360,000	3,000		100.00	100.00	200	10	20.00	2	4.00
190,000	190,000	190,000	380,000	3,000		100.00	100.00	210	10	21.00	2	4.20
200,000	200,000	200,000	400,000	3,000		100.00	100.00	220	10	22.00	2	4.40
210,000	210,000	210,000	420,000	3,000		100.00	100.00	230	10	23.00	2	4.60
220,000	220,000	220,000	440,000	3,000		100.00	100.00	240	10	24.00	2	4.80
230,000	230,000	230,000	460,000	3,000	100.00	100.00	250	10	25.00	2	5.00	
240,000	240,000	240,000	480,000	3,000	100.00	100.00	260	10	26.00	2	5.20	
250,000	250,000	250,000	500,000	3,000	100.00	100.00	270	10	27.00	2	5.40	

Nota: Polisi anda akan tamat apabila Kematian atau Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD) berlaku atau salah satu daripada 45 Kejadian yang Dilindungi (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari) atau tuntutan 100% daripada jumlah asurans ke atas Manfaat Kemalangan Peribadi, mana yang berlaku dahulu